



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49
No. 20

28hb September 2006

*TAMBAHAN No. 7
ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 62 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis:

The following Enactments, passed by the Perlis State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Ruler, are published pursuant to Clause (3) of Article 62 of the Laws of the Constitution of Perlis:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 9	Enakmen Bekalan Air 2006 Water Supply Enactment 2006
Enakmen 10	Enakmen Bekalan Air (Syarikat Pengganti) 2006 Perlis Water Authority (Successor Company) Enactment 2006



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 9

ENAKMEN BEKALAN AIR 2006

Tarikh Persetujuan DiRaja ... 3 Ogos 2006

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 28 September 2006

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen 9

ENAKMEN BEKALAN AIR 2006

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pengisytiharan kawasan tadahan
4. Pengisytiharan kawasan bekalan air
5. Ketakpemakaian

BAHAGIAN II

PEGAWAI-PEGAWAI

6. Pengarah pihak berkuasa bekalan
7. Fungsi Pengarah
8. Kad pengenalan
9. Kuasa menyiasat
10. Kuasa memeriksa
11. Kuasa menggeledah dan menyita
12. Kuasa menggeledah dan menyita tanpa waran
13. Senarai barang-barang
14. Menghalang, dll. suatu kesalahan

BAHAGIAN III

PELESENAN

15. Lesen diperlukan untuk membekal air
16. Permohonan lesen
17. Lesen
18. Syarat-syarat lesen
19. Tidak boleh pindah milik
20. Jaminan

Seksyen

21. Penggantungan atau pembatalan lesen
22. Rayuan
23. Tiada pampasan
24. Kuasa Pengarah apabila lesen dibatalkan atau ditamatkan

BAHAGIAN IV

BEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

25. Kewajipan membekal air
26. Pengecualian kepada kewajipan membekal air
27. Keselamatan pemasangan bekalan air
28. Kewajipan pemegang lesen untuk memberitahu Pengarah
29. Kuasa pemegang lesen untuk memasang sesalur utama dan paip
30. Sambungan di antara sesalur utama dan premis yang akan dibekalkan
31. Caj bagi sambungan
32. Pengurangan atau pemberhentian bekalan
33. Kelulusan diperlukan untuk sambungan dsb., sistem bekalan air
34. Penyelesaian pertelingkahan antara Pengarah dengan pemegang lesen
35. Kesalahan membekal di luar kawasan bekalan, dll.
36. Kesalahan ketidakpatuhan dengan Bahagian IV

BAHAGIAN V

CAJ-CAJ AIR

37. Tarif, caj, dll.
38. Pemegang lesen untuk menyenggara rekod
39. Pengecualian dari tarif, caj, dll.
40. Tiada pengecualian bagi premis yang tidak diduduki
41. Keperluan deposit
42. Mendapatkan balik wang yang perlu dibayar
43. Kuasa untuk memotong
44. Kos pemotongan dan penyambungan semula
45. Tiada obligasi untuk menyambung semula
46. Tiada liabiliti untuk pemotongan
47. Kesalahan pemasangan semula tanpa kebenaran
48. Penghuni dikehendaki memberitahu kerosakan paip

BAHAGIAN VI
SEKATAN BEKALAN AIR

Seksyen

49. Pemotongan bekalan air atas arahan Pengarah
50. Sekatan bekalan air semasa kecemasan
51. Penalti bagi ketidakpatuhan
52. Tiada liabiliti untuk pelanggaran, dll.

BAHAGIAN VII
KESALAHAN-KESALAHAN

53. Merosakkan sistem bekalan air, mengalih anak sungai, dll.
54. Pencemaran air
55. Penyambungan bekalan air secara menyalahi undang-undang
56. Merosak meter dengan sengaja
57. Air dari pili bomba, dll.
58. Merosak sistem bekalan air
59. Mendapatkan balik pampasan bagi kerosakan meter, injap, dll.
60. Penalti am

BAHAGIAN VIII
PELBAGAI

61. Pembekalan dan pengawalan meter
62. Perigi
63. Larangan aktiviti dalam kawasan larangan bagi mencegah pencemaran, kontaminasi, dll.
64. Notis kepada pemunya atau penghuni untuk mencegah pencemaran
65. Ketakpatuhan perihalan
66. Tiada distres, dll.
67. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
68. Beban pembuktian
69. Keizinan Pendakwa Raya
70. Kuasa untuk mengkompaun
71. Bidang kuasa dan kuasa Mahkamah
72. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
73. Pengkhidmat awam
74. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah
75. Penyampaian notis atau dokumen lain
76. Pemansuhan, kecualian dan peralihan

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**Enakmen 9****ENAKMEN BEKALAN AIR 2006**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED FAIZUDDIN
PUTRA JAMALULLAIL
Pemangku Raja Perlis

8 Rejab 1427
3 Ogos 2006

Suatu Enakmen berhubungan dengan bekalan air dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Bekalan Air 2006 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuat kuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Enakmen ini.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“dengan curang” mempunyai maksud sepertimana di dalam Kanun Keseksaan [*N.M.B. Bab 45*];

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya;

“kawasan bekalan air” ertinya kawasan di mana pemegang lesen diberi kuasa untuk membekalkan air;

“Kerajaan Negeri” ertinya Kerajaan Negeri Perlis;

“kerosakan” berhubungan dengan seseorang individu, termasuklah bencana diri atau kematian;

“lengkapan air” termasuklah paip-paip (selain dari sesalur utama), penutup, pili penutup, injap, sipal logam, meter, tangki, tempat mandi, tandas pam, pemanas air, sistem telemeter dan apa-apa radas atau perkakas lain yang digunakan berhubungan dengan bekalan atau penggunaan air;

“lesen” ertinya sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian III;

“meter” ertinya apa-apa perkakas, pelengkapan atau alat yang digunakan untuk tujuan mengukur, menentukan, mengatur atau menganggar jumlah air yang telah dipakai, dibekalkan atau digunakan;

“paip servis” ertinya apa-apa jenis paip yang digunakan untuk membekalkan air dari sesalur utama ke mana-mana premis, di mana paip itu adalah di bawah tekanan air dari sesalur utama atau boleh di bawah tekanan yang sama kecuali penutup atau injapnya ditutup;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang diberi lesen di bawah Bahagian III;

“Pengarah” ertinya Pengarah pihak berkuasa bekalan dan termasuklah mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 6;

“pengguna” ertinya seseorang yang dibekalkan dengan air dari sesalur utama atau seseorang yang bertanggung bagi pembayaran tarif, caj dan apa-apa bayaran lain atau sumbangan untuk air yang dibekalkan dan termasuklah seorang penghuni;

“penghuni” ertinya seseorang yang menghuni atau mempunyai kawalan ke atas premis dan, berhubungan dengan premis di mana bahagiannya yang berlainan dihuni oleh orang yang lain, bermaksud setiap orang yang menghuni atau mengawal setiap bahagian itu;

“perkhidmatan bekalan air” termasuklah pengeluaran air dari sumber aliran air, perawatan air tersebut serta pengagihan dan pembekalan air yang telah dirawat kepada pengguna dan apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengannya;

“pihak berkuasa bekalan” ertinya Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri Perlis dan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang lain untuk membekal air di Negeri Perlis;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Pihak Berkuasa Negeri Perlis;

“perigi” termasuklah mana-mana lubang, pengorekan, tiub, penggalian, syaf, atau selainnya bagi maksud mengambil air dari bawah tanah, laluan bawah tanah atau di bawah permukaan bumi dan termasuk mata air;

“premis” termasuklah mana-mana bangunan, tanah, kenderaan, kapal, pesawat udara, khemah atau struktur;

“sesalur utama” ertinya apa-apa paip air yang disenggarakan dan dikawal oleh pemegang lesen atau yang mana paip servis boleh disambungkan;

“sistem bekalan air” ertinya keseluruhan atau sebahagian kemudahan atau sistem yang mengandungi empangan, loji, pelengkapan, sesalur utama, paip-paip, loji rawatan, stesen pengepam, takungan servis atau imbangan atau mana-mana gabungannya dan apa-apa struktur, pemasangan, bangunan dan appurtenan lain yang digunakan dan tanah di mana perkara yang sama ditempatkan untuk pengeluaran, pengumpulan, penyaluran, perawatan, pengagihan dan pembekalan air dan termasuklah kemudahan bekalan air;

“sub-meter” ertinya apa-apa meter yang mengukur air yang telah dikira selepas air itu keluar dari sesalur utama;

“sumber aliran air” termasuklah sungai, anak sungai, terusan, empangan, takungan, perigi, longkang, parit dan saluran-saluran di mana air mengalir selain dari paip-paip untuk membekal air ke mana-mana premis;

“sungai” termasuklah cawangan sungai dan mana-mana anak sungai atau sumber aliran air semulajadi yang lain;

“tujuan domestik” tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3) ertinya bekalan air untuk rumah kediaman persendirian, air pancut persendirian atau untuk tujuan perhiasan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), rujukan kepada “tujuan domestik” berhubung dengan bekalan air ke mana-mana premis, adalah rujukan kepada kegunaan minum, membasuh, memasak dan kebersihan yang mana air yang dibekalkan kepada premis tersebut boleh digunakan dan, di mana keseluruhan atau sebahagian daripada premis tersebut adalah atau akan dihuni sebagai sebuah rumah, tujuan-tujuan tersebut hendaklah dianggap termasuklah apa-apa tujuan di luar rumah (termasuk mencuci kenderaan dan menyiram taman) sebagaimana yang berkaitan dengan penghunian rumah tersebut.

(3) Tiada apa-apa rujukan kepada “tujuan Domestik” boleh dianggap termasuklah rujukan kepada—

- (a) apa-apa tujuan perniagaan penyediaan makanan atau minuman, sama ada atau tidak dimakan atau diminum di dalam premis itu;
- (b) apa-apa perniagaan mencuci kereta atau dobi; atau
- (c) apa-apa tujuan perdagangan, perkilangan atau perniagaan lain, atau untuk tujuan pengairan.

Pengisytiharan kawasan tadahan

3. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan mana-mana tasik atau sumber aliran air atau mana-mana bahagian daripadanya atau kawasan-kawasan sekelilingnya sebagai kawasan tadahan untuk kemasukan bekalan air.

(2) Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) menentukan sempadan kawasan tadahan;
- (b) menyatakan jenis-jenis aktiviti, jika ada, yang dibenarkan di dalam kawasan tadahan tersebut supaya melindungi air;
- (c) mengandungi apa-apa butir lain sebagaimana difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Walau apa pun peruntukan di perenggan (2)(b), kawasan tadahan yang diisytiharkan di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi suatu kawasan larangan.

Pengisytiharaan kawasan bekalan air

4. Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai kawasan bekalan air.

Ketakpemakaian

5. Peruntukan-peruntukan Enakmen ini hendaklah tidak terpakai kepada pihak berkuasa bekalan melainkan diperuntukkan dengan nyata sebaliknya.

BAHAGIAN II

PEGAWAI-PEGAWAI

Pengarah pihak berkuasa bekalan

6. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik seorang anggota perkhidmatan awam sebagai Pengarah pihak berkuasa bekalan dan apa-apa bilangan pegawai yang difikirkan perlu untuk menjalankan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dengan sempurna.

(2) Pengarah boleh, secara bertulis, mewakili kepada pegawai-pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) semua atau mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Enakmen ini tertakluk kepada syarat dan sekatan yang boleh dikenakan olehnya.

(3) Sesuatu perwakilan di bawah subseksyen (2) boleh dibatalkan dan ianya tidak menghalang Pengarah secara sendiri menjalankan kuasa atau melaksanakan fungsi yang diwakilkan itu.

Fungsi Pengarah

7. (1) Pengarah hendaklah mempunyai fungsi seperti berikut:

- (a) untuk mengawal bekalan air, termasuklah menetapkan piawai kemudahan, perkhidmatan dan pelaksanaan serta penguatkuasaannya;

- (b) untuk meningkatkan kecekapan dalam pembekalan air;
- (c) untuk memastikan bekalan air yang optima pada harga yang munasabah;
- (d) untuk menggalak, mendorong dan memastikan bekalan air yang mencukupi;
- (e) untuk menjaga kepentingan pengguna terutamanya berkaitan dengan—
 - (i) tarif, caj dan syarat-syarat lain bagi pembekalan air;
 - (ii) bekalan air yang berterusan; dan
 - (iii) kualiti air dan perkhidmatan bekalan air yang diberikan;
- (f) untuk memastikan bahawa semua permintaan air yang munasabah disempurnakan;
- (g) untuk menyiasat apa-apa kemalangan yang melibatkan mana-mana bahagian sistem bekalan air atau akibat operasi atau penyenggaraan mana-mana sistem bekalan air atau perkhidmatan bekalan air;
- (h) untuk menasihat Pihak Berkuasa Negeri atas apa-apa perkara yang berhubungan dengan bekalan air dan perkhidmatan bekalan air;
- (i) untuk menetapkan suatu tata amalan bagi pemegang lesen;
- (j) untuk menjalankan apa-apa aktiviti lain sebagaimana difikirkan perlu oleh Pengarah bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah Enakmen ini.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari semasa ke semasa, memberi arahan yang bersifat am yang tidak bercanggah dengan peruntukan Enakmen ini berkenaan perjalanan kuasa-kuasa dan pelaksanaan dan fungsi-fungsi Pengarah di bawah Enakmen ini dan hendaklah menjadi tanggungjawab Pengarah untuk melaksanakan arahan tersebut.

Kad pengenalan

8. (1) Pengarah hendaklah mengeluarkan kad pengenalan rasmi atau lencana kepada semua pegawai yang dilantik di bawah seksyen 6 dan kad pengenalan atau lencana tersebut hendaklah pada setiap masa dibawa atau dipakai, mengikut mana yang berkenaan, oleh pegawai-pegawai tersebut.

(2) Tiada sesiapa boleh dikehendaki untuk membenarkan ke dalam premisnya mana-mana orang yang mendakwa dirinya sebagai seorang pegawai yang dilantik di bawah seksyen 6 melainkan dan kecuali dengan pengemukaan kad pengenalan atau lencananya.

Kuasa menyiasat

9. Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya.

Kuasa memeriksa

10. Pengarah boleh, bagi maksud menjalankan mana-mana fungsi di bawah Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya, memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa dan meneliti mana-mana bahagian sistem bekalan air bagi alasan-alasan lain.

Kuasa menggeledah dan menyita

11. (1) Jika seseorang Majistret mendapati, atas maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah di bawah Enakmen ini sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang yang dinamakan dalamnya, masuk ke dalam premis itu pada bila-bila masa yang munasabah sama ada pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan dan jika perlu dengan kekerasan, dan di sana menggeledah dan menyita apa-apa artikel, barang, buku, dokumen atau pemasangan yang semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan apa-apa artikel, barang, buku, dokumen atau pemasangan yang disita di bawah seksyen ini, pegawai atau orang yang menyita itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak artikel, barang, buku, dokumen atau pemasangan itu dalam premis atau dalam bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(3) Seseorang yang, tanpa kuasa sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (2) atau memindahkan apa-apa artikel, barang, buku, dokumen atau pemasangan yang dilak atau mencuba untuk berbuat demikian adalah melakukan suatu kesalahan.

Kuasa menggeledah dan menyita tanpa waran

12. Jika seorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Inspektor dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam seksyen 11 mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa dengan alasan kelewatan mendapat suatu waran geledah di bawah seksyen itu penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai perlakuan sesuatu kesalahan berkemungkinan diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai itu boleh masuk ke dalam premis itu dan menjalankan di dalam, ke atas dan berkenaan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 11 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Senarai barang-barang

13. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa artikel, barang, buku, dokumen atau pemasangan disita di bawah seksyen 11 atau 12, pegawai atau orang yang menyita itu hendaklah menyediakan senarai barang-barang yang disita dan dengan serta-merta menghantarserahkan sesalinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang digeledah, atau kepada ejen atau perkhidmatnya, di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak didiami, pegawai atau orang yang menyita itu hendaklah bila masa boleh melekatkan senarai barang-barang yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Menghalang, dll. suatu kesalahan

14. Mana-mana orang yang—

- (a) enggan membenarkan Pengarah akses ke mana-mana tempat;
- (b) menyerang, menghalang, menghambat atau melengahkan Pengarah—
 - (i) menyempurnakan apa-apa kemasukan yang dibenarkan di bawah Enakmen ini;
 - (ii) melaksanakan apa-apa tugas yang dikenakan atau kuasa yang diberikan kepadanya oleh Enakmen ini;
- (c) enggan memberikan kepada Pengarah apa-apa maklumat berhubung dengan sesuatu kesalahan atau sesuatu kesalahan yang disyaki di bawah Enakmen ini atau apa-apa maklumat lain yang mana secara munasabah dikehendaki daripadanya dan yang orang itu mempunyai pengetahuan mengenai atau ada kuasa untuk memberikannya; atau
- (d) dengan sengaja memberi maklumat palsu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN III

PELESENAN

Lesen diperlukan untuk membekal air

15. Tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang ditetapkan, tiada seseorang pun, selain daripada pihak berkuasa bekalan, boleh—

- (a) menyenggara, menjalankan, mengurus atau membenarkan untuk disenggara, dijalankan atau diurus apa-apa sistem bekalan;

- (b) mengusaha, menyelia atau mengadakan apa-apa perkhidmatan sistem bekalan;
- (c) menjalankan apa-apa penyambungan;
- (d) mengeluarkan air dari mana-mana tasik atau sumber aliran air dan merawatnya,

bagi membekalkan air kepada pengguna-pengguna dan memungut dan mengekalkan caj yang ditetapkan itu daripada mereka kecuali di bawah dan mengikut terma-terma lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini.

Permohonan lesen

16. (1) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Bahagian ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah dan hendaklah mengandungi maklumat atau disertakan dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah bagi tujuan memutuskan permohonan dan kesesuaian pemohon.

(2) Apabila menerima sesuatu permohonan yang dibuat mengikut subseksyen (1) Pengarah boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) tertakluk kepada peruntukan seksyen 20 dan dengan pembayaran fi yang ditetapkan, mengeluarkan lesen kepada pemohon; atau
- (b) menolak permohonan itu.

Lesen

17. (1) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini hendaklah mengandungi yang berikut:

- (a) kawasan bekalan air;
- (b) tempoh lesen;

- (c) tarif, caj, bayaran dan apa-apa sumbangan yang kena dibayar oleh pengguna;
- (d) fi lesen yang kena dibayar oleh pemegang lesen;
- (e) hak-hak dan kewajipan-kewajipan tertentu pemegang lesen berkenaan bekalan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen;
- (f) kualiti minimum air yang dibekalkan oleh pemegang lesen;
- (g) apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pengarah.

(2) Pengeluaran lesen kepada mana-mana orang atau kumpulan orang di bawah subseksyen (1) tidak boleh mengenakan apa-apa liabiliti ke atas Pihak Berkuasa Negeri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan, ketinggalan atau keingkaran oleh orang atau kumpulan orang itu.

Syarat-syarat lesen

18. Tanpa menjejaskan peruntukan subseksyen 17(1), Pengarah boleh, sama ada pada masa sesuatu lesen dikeluarkan atau pada bila-bila masa selepas itu, mengenakan apa-apa terma atau syarat sebagaimana didapati perlu dan terma-terma dan syarat-syarat itu boleh diubah, dipinda atau dibatalkan pada bila-bila masa.

Tidak boleh pindah milik

19. (1) Lesen tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu dari Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Tertakluk kepada kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Negeri, tidak lebih dari satu lesen untuk menjalankan aktiviti yang sama di bawah seksyen 15 boleh dikeluarkan bagi sesuatu kawasan bekalan air yang telah sedia dijalankan oleh pemegang lesen yang lain.

Jaminan

20. (1) Sebelum apa-apa lesen dikeluarkan, Pengarah boleh menghendaki apa-apa jaminan sebagaimana yang ditetapkannya untuk dikemukakan oleh pemohon untuk memastikan terma-terma dan syarat-syarat lesen dipatuhi.

(2) Jika jaminan yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) tidak dikemukakan mengikut kehendak Pengarah dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh ia kehendaki tiada lesen boleh dikeluarkan di bawah Bahagian ini.

Penggantungan atau pembatalan lesen

21. (1) Jika pada pendapat Pengarah pemegang lesen—

- (a) telah melanggar mana-mana terma atau syarat lesen;
- (b) telah ingkar dalam apa-apa bayaran yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri;
- (c) telah terhenti menyenggara, menjalankan atau menguruskan kemudahan, perkhidmatan atau sistem bekalan air mengikut terma-terma dan syarat-syarat lesen; atau
- (d) telah gagal mematuhi mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya,

Pengarah boleh melalui notis bertulis yang dikeluarkan kepada pemegang lesen menghendaki pemegang lesen untuk meremedi atau membetulkan pelanggaran atau keingkaran dalam tempoh yang ditetapkan di dalamnya.

(2) Jika, selepas tamat tempoh yang ditetapkan dalam notis itu, pemegang lesen gagal untuk meremedi atau membetulkan pelanggaran atau keingkaran tersebut maka Pengarah boleh—

- (a) menggantung lesen dan mengambil seorang atau kumpulan orang lain untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan tersebut dan semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengarah berkenaan dengannya hendaklah apabila dituntut dibayar ganti dengan segera oleh pemegang lesen; atau
- (b) membatalkan lesen.

(3) Seorang atau kumpulan orang yang diambil oleh Pengarah di bawah perenggan (2)(a) boleh memasuki premis pemegang lesen dan mengguna atau membawa masuk ke dalam premis apa-apa pelengkapan atau jentera sebagaimana perlu atau sesuai bagi maksud menjalankan kewajipan-kewajipan itu.

Rayuan

22. (1) Pemegang lesen boleh, dalam tempoh empat belas hari dari penerimaan keputusan Pengarah, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri terhadap penggantungan atau pembatalan lesen oleh Pengarah.

(2) Keputusan Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen ini hendaklah tetap dan muktamad.

(3) Keputusan Pengarah di bawah subseksyen 21(2) hendaklah berkuat kuasa serta-merta walau apapun rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

Tiada pampasan

23. Pemegang lesen tidaklah berhak ke atas apa-apa pampasan bagi apa-apa kerugiannya yang disebabkan oleh penggantungan atau pembatalan lesen di bawah subseksyen 21(2).

Kuasa Pengarah apabila lesen dibatalkan atau ditamatkan

24. (1) Apabila terbatal atau ditamatnya sesuatu lesen di mana adalah praktik semunasabahnya berbuat demikian, Pengarah hendaklah—

(a) mengarahkan pemegang lesen supaya mengalihkan semua pemasangan dan pelengkapannya dalam tempoh yang dinyatakan di bawah arahan tersebut dan sekiranya pemegang lesen gagal berbuat demikian, pemegang lesen itu hendaklah menanggung segala kos yang tertanggung untuk mengalihkannya dan kos itu bolehlah didapatkan kembali dari jaminan (jika ada) di bawah seksyen 20;

- (b) mengambil milikan ke atas semua atau mana-mana bahagian kemudahan, perkhidmatan atau sistem bekalan air yang dimiliki oleh pemegang lesen;
- (c) menjalankannya atau mengambil orang atau kumpulan orang yang lain untuk menjalankan kesemua atau mana-mana bahagian sistem bekalan air yang dipunyai oleh pemegang lesen mengikut cara dan untuk tempoh sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pengarah.

(2) Pengarah atau pemegang lesen tidaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul dari apa-apa perbuatan, ketinggalan atau keingkaran yang dilakukan oleh orang atau kumpulan orang yang diambil kerja di bawah perenggan 21(2)(a) atau 24(1)(c).

BAHAGIAN IV

BEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

Kewajipan membekal air

25. (1) Tertakluk kepada peruntukan berikut dalam Bahagian ini dan apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya, pemegang lesen hendaklah, atas permohonan bertulis oleh pemunya atau penghuni mana-mana premis, membekal air kepada premis tersebut.

(2) Air yang dibekalkan dan perkhidmatan yang diberi oleh pemegang lesen hendaklah mematuhi piawai yang ditentukan oleh Pengarah di bawah seksyen 7.

Pengecualian kepada kewajipan membekal air

26. Tiada apa-apa dalam Bahagian ini boleh dianggap sebagai menghendaki pemegang lesen membekal air kepada mana-mana premis jika—

- (a) bekalan air telah dijalankan oleh pemegang lesen lain;
- (b) keengganan membekal atau potongan bekalan air diluluskan oleh Pengarah.

Keselamatan pemasangan bekalan air

27. (1) Pemegang lesen hendaklah—

- (a) berdiri dan menyenggarakan pagar yang mencukupi di sekeliling loji-loji rawatan dan di bahagian-bahagian lain sistem bekalan airnya;
- (b) menyediakan dan mengadakan keselamatan yang mencukupi di seluruh kawasan tersebut; dan
- (c) mematuhi kehendak-kehendak keselamatan di bawah Akta Kawasan dan Tempat Terlindung 1959 [*Akta 298*].

(2) Jika pemegang lesen gagal mematuhi seksyen ini, Pengarah adalah mempunyai kuasa untuk meremеди kegagalan tersebut dan segala perbelanjaan yang ditanggung hendaklah didapatkan balik dari pemegang lesen.

Kewajipan pemegang lesen untuk memberitahu Pengarah

28. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pemegang lesen pada setiap masa untuk memberitahu dengan segera kepada Pengarah mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) apa-apa perubahan dalam kawalan pemegang lesen;
- (b) apa-apa pertikaian perindustrian antara pemegang lesen dengan pekerja pemegang lesen;
- (c) apa-apa kemalangan atau kemalangan kecil perindustrian yang melibatkan mana-mana pengkhidmat, pekerja atau agen pemegang lesen;
- (d) apa kebakaran dalam premis pemegang lesen;
- (e) apa-apa kecurian atau kecurian kecil dalam premis atau mana-mana harta pemegang lesen;

(f) apa-apa prosiding atau tuntutan yang diambil atau dibuat terhadap pemegang lesen yang mana boleh menjejaskan keupayaan pemegang lesen untuk melaksanakan mana-mana syarat lesen.

(2) Bagi tujuan perenggan (1)(a), ungkapan “kawalan” berhubungan dengan pemegang lesen ertinya kuasa untuk mengarah pengurusan dan polisi pemegang lesen.

Kuasa pemegang lesen untuk memasang sesalur utama dan paip

29. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), pemegang lesen boleh dari semasa ke semasa memasang, meletak, menjalankan atau menyenggara atau menyebabkan dipasang, diletak, dijalankan atau disenggarakan mana-mana sesalur utama, paip, pelengkapan, akueduk atau konduit pada, di bawah, di atas atau merentasi mana-mana premis.

(2) Pemegang lesen tidak boleh melaksanakan kerja-kerja di bawah subseksyen (1)—

(a) kecuali semata-mata untuk tujuan membekalkan air atau menyenggara apa-apa pelengkapan kepada dan di dalam kawasan bekalan air; dan

(b) melainkan ia telah terlebih dahulu memberi notis yang munasabah secara bertulis kepada pemunya atau penghuni premis tersebut.

(3) Jika premis berkenaan terletak hak atau di bawah kawalan atau pengurusan Kerajaan Negeri, pihak kuasa tempatan, pihak berkuasa bekalan atau mana-mana pemegang lesen yang lain, pemegang lesen itu hendaklah, sebelum kerja-kerja tersebut boleh dilaksanakan, mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Kerajaan Negeri, pihak kuasa tempatan, pihak berkuasa bekalan atau mana-mana pemegang lesen lain, mengikut yang berkenaan.

(4) Pemegang lesen tidak boleh memperolehi apa-apa hak selain daripada hak pengguna sahaja dalam keadaan yang disebut di bawah subseksyen (1) dan (2).

(5) Dalam melaksanakan kerja-kerja yang dibenarkan di bawah seksyen ini, pemegang lesen hendaklah, di mana boleh, meminimumkan apa-apa kerosakan yang disebabkan padanya atau ke atas premis-premis tersebut dan pemegang lesen hendaklah membayar pampasan kepada orang yang mengalami apa-apa kerosakan akibat pelaksanaan kerja-kerja tersebut.

Sambungan di antara sesalur utama dan premis yang akan dibekalkan

30. Apabila sesuatu permohonan untuk bekalan air diluluskan, pemegang lesen hendaklah membuat sambungan yang diperlukan di antara sesalur utama dan premis yang akan dibekalkan.

Caj bagi sambungan

31. Tiada penyambungan boleh dibuat ke sesalur utama melainkan jika—

- (a) anggaran kosnya telah didepositkan kepada pemegang lesen; dan
- (b) peralatan-peralatan air yang diperlukan untuk membekalkan air telah dipasang dan disempurnakan mengikut apa-apa kehendak mana-mana kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini berkenaan dengan perkara yang sama.

Pengurangan atau pemberhentian bekalan

32. (1) Pemegang lesen boleh dengan kelulusan Pengarah mengurangkan atau melencongkan, kesemua atau sebahagian, air dalam mana-mana paip atau mana-mana bahagian sistem bekalan air, atas semua atau mana-mana alasan berikut:

- (a) kerosakan kepada sistem bekalan air atau sebahagian daripadanya;
- (b) tercetusnya suatu kebakaran;
- (c) sebab-sebab lain,

yang pada pendapat pemegang lesen bekalan air adalah tidak mencukupi atau tidak selamat bagi bekalan biasa kepada orang awam.

(2) Pengarah dan pemegang lesen tidaklah bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku atas alasan pengurangan atau pemberhentian bekalan air menurut subseksyen (1).

Kelulusan diperlukan untuk sambungan dsb., sistem bekalan air

33. (1) Sebelum melaksanakan apa-apa pembinaan penyambungan atau pengubahan kepada mana-mana atau mana-mana bahagian sistem bekalan air yang disebut dalam seksyen 32, pemegang lesen hendaklah mengemukakan pelan pembinaan, penyambungan atau pengubahan yang dicadang kepada Pengarah untuk kelulusan.

(2) Pengarah boleh menolak atau meluluskan tertakluk kepada syarat, pelan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pengarah boleh mengadakan pemeriksaan berkala ke atas kerja-kerja yang diluluskan.

Penyelesaian pertelingkahan antara Pengarah dengan pemegang lesen

34. Jika terdapat apa-apa perbezaan pendapat antara pemegang lesen dengan Pengarah berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersangkutan dengan pembinaan, penyenggaraan atau perjalanan mana-mana atau mana-mana bahagian sistem bekalan air, perkara itu hendaklah dirujuk kepada dan diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang mana keputusannya adalah muktamad.

Kesalahan membekal di luar kawasan bekalan, dll.

35. Pemegang lesen tidak boleh membekalkan air, memasang apa-apa sesalur utama atau paip atau membina apa-apa sistem bekalan air di luar kawasan bekalan airnya melainkan kebenaran bertulis Pengarah telah didapatkan terlebih dahulu.

Kesalahan ketidakpatuhan dengan Bahagian IV

36. (1) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang sah gagal mematuhi mana-mana peruntukan Bahagian ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh

ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan, denda tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan.

(2) Apa-apa sesalur utama, paip atau kerja yang telah dipasang atau dibina yang melanggar seksyen 35 hendaklah, selepas disabitkan, dialihkan oleh pemegang lesen dan jika pemegang lesen gagal mengalihkannya, Pengarah boleh mengarah seorang lain untuk mengalihkannya dan kos untuk pengalihan itu hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemegang lesen.

BAHAGIAN V

CAJ-CAJ AIR

Tarif, caj, dll.

37. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta* menetapkan tarif, caj dan apa-apa bayaran lain atau sumbangan yang perlu dibayar oleh mana-mana orang telah dibekalkan air atau diberikan perkhidmatan di bawah Enakmen ini dan kadar yang berlainan boleh ditetapkan bagi kawasan yang berlainan dalam mana-mana kawasan bekalan air yang berlainan.

(2) Mana-mana pemegang lesen boleh menuntut, mengutip dan menyimpan tarif, caj dan bayaran-bayaran lain atau sumbangan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan air yang dibekalkan atau perkhidmatan yang diberikan.

Pemegang lesen untuk menyenggara rekod

38. Pemegang lesen di bawah subseksyen 37(2) hendaklah—

- (a) menyenggara akaun, buku dan rekod berkenaan dengan bayaran tarif, caj, bayaran-bayaran lain atau sumbangan sebagaimana dikehendaki oleh Pengarah;
- (b) mengemukakan maklumat sebagaimana dikehendaki oleh Pengarah; dan

- (c) memberi Pengarah akses kepada premis bagi maksud meneliti atau memeriksa mana-mana dokumen, jentera atau pelengkapan yang diselenggarakan bagi maksud bayaran dan pungutan tarif, caj, bayaran-bayaran lain dan sumbangan.

Pengecualian dari tarif, caj, dll.

39. Tanpa menjejaskan subseksyen 37(1) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengecualikan bangunan-bangunan berikut daripada pemakaian seksyen 37 atau menetapkan kadar yang berlainan bagi perkara-perkara yang disebut di seksyen 37—

- (a) mana-mana masjid atau mana-mana premis yang digunakan secara eksklusif bagi tujuan keagamaan;
- (b) mana-mana bangunan Kerajaan Negeri;
- (c) mana-mana bangunan lain.

Tiada pengecualian bagi premis yang tidak diduduki

40. Tiada seseorang pun yang bertanggung membayar tarif, caj, bayaran-bayaran lain atau sumbangan boleh dikecualikan dari membuat bayaran itu atau layak mendapat apa-apa bayaran balik atas alasan premis atau mana-mana bahagian daripadanya tidak dihuni semasa keseluruhan atau mana-mana bahagian tempoh bayaran itu kena dibayar.

Keperluan deposit

41. (1) Pemegang lesen boleh tertakluk kepada mana-mana kaedah di bawah Enakmen ini, menghendaki mana-mana orang yang meminta apa-apa pembekalan air, untuk mendeposit dengannya sejumlah wang sebagaimana yang pemegang lesen boleh, dengan kelulusan Pengarah, menentukan sebelum air boleh dibekalkan kepada mana-mana premis.

(2) Deposit, apabila dibuat, hendaklah tidak membawa faedah apabila dibayar balik dan tidaklah melepaskan pengguna daripada tanggungan untuk menyelesaikan apa-apa bil yang tertunggak untuk bekalan air yang dikemukakan kepadanya oleh pemegang lesen.

(3) Apabila bekalan air dipotong di bawah seksyen 43 atas kegagalan pengguna untuk menyelesaikan apa-apa bil yang tertunggak, amaun yang dinyatakan di dalam bil dan apa-apa amaun yang kena dibayar dari tarikh bil itu ke tarikh bila bekalan air dipotong boleh ditolak dari deposit.

Mendapatkan balik wang yang perlu dibayar

42. (1) Apa-apa jumlah wang yang kena dibayar bagi air yang dibekalkan atau perkhidmatan yang diberikan berhubungan dengan bekalan tersebut hendaklah dibayar dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pengemukaan bil itu dan jika jumlah tersebut tidak dibayar kepada pemegang lesen dalam tempoh tersebut, wang itu hendaklah didapatkan balik oleh pemegang lesen melalui tindakan guaman di Mahkamah.

(2) Suatu pernyataan bertulis oleh pemegang lesen atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh pemegang lesen yang menyatakan amaun yang perlu dijelaskan dan kena dibayar hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang pembayaran yang perlu dibuat oleh pengguna di bawah subseksyen (1).

(3) Pelaksanaan kuasa yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah tanpa menjejaskan kuasa pemegang lesen di bawah seksyen 43.

Kuasa untuk memotong

43. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) pemegang lesen boleh memotong bekalan air kepada mana-mana premis di mana pemunya atau pengguna, mengikut mana yang berkenaan—

(a) gagal menjelaskan amaun yang perlu dibayar dalam tempoh empat belas hari dari tarikh bil dikemukakan; atau

(b) dengan sengaja atau dengan cuai menyalahguna atau membazir atau menyebabkan atau membenarkan supaya disalahguna atau dibazirkan apa-apa air yang dibekalkan ke premisnya.

(2) Sebelum memotong bekalan air di bawah subseksyen (1), pemegang lesen hendaklah memberi notis secara bertulis kepada pemunya atau penghuni premis itu, mengikut mana yang berkenaan, supaya meremеди atau membetulkan kegagalan atau pelanggaran itu dalam tempoh yang ditetapkan di dalam notis itu.

(3) Sekiranya selepas tamat tempoh yang ditetapkan di dalam notis, pemunya atau penghuni, mengikut mana yang berkenaan, gagal meremedi atau membetulkan kegagalan atau pelanggaran itu, pemegang lesen boleh memotong bekalan air di bawah subseksyen (1).

Kos pemotongan dan penyambungan semula

44. Pemegang lesen boleh mendapatkan balik kos pemotongan dan penyambungan semula air yang dibekalkan selepas dipotong, daripada pemunya atau penghuni premis-premis itu melalui cara yang diperuntukkan di bawah seksyen 42.

Tiada obligasi untuk menyambung semula

45. (1) Pemegang lesen adalah tidak berkewajipan menyambung semula bekalan air ke premis yang terlibat sehingga dan melainkan jika jumlah yang kena dibayar di bawah subseksyen 42(1) dan kos bagi pemotongan dan penyambungan semula itu telah dibayar.

(2) Pemegang lesen hendak dalam tempoh tiga hari daripada tarikh pembayaran penuh jumlah yang disebut di subseksyen (1), menyambung semula bekalan air ke premis yang terlibat.

Tiada liabiliti untuk pemotongan

46. Pemegang lesen adalah tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan kepada mana-mana orang atau harta benda yang disebabkan oleh pemotongan di bawah seksyen 43.

Kesalahan pemasangan semula tanpa kebenaran

47. (1) Bekalan air ke mana-mana premis yang telah dipotong oleh pemegang lesen menurut seksyen 43 tidaklah boleh disambung semula melainkan oleh pemegang lesen.

(2) Di mana bekalan air ke mana-mana premis telah dipotong oleh pemegang lesen menurut seksyen 43 disambung semula dengan melanggar subseksyen (1), penghuni premis itu hendaklah dianggap, sehingga sebaliknya dibuktikan, telah menyambung semula atau telah

membenarkan penyambungan semula bekalan air dan dia adalah dengan itu melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(3) Di mana kesalahan di bawah subseksyen (2) berterusan, denda tidak melebihi sepuluh kali ganda kos purata air yang dibekalkan dalam satu hari yang dikira daripada bil-bil untuk tiga bulan kalendar sebelum tarikh pemotongan bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan hendaklah dikenakan.

Penghuni dikehendaki memberitahu kerosakan paip

48. (1) Jika mana-mana paip penghubung atau sebahagian daripadanya di dalam mana-mana premis menjadi rosak sehingga menyebabkan atau boleh menyebabkan kontaminasi atau pembaziran air, penghuni premis itu hendaklah, apabila mengetahui akan perkara itu, memberitahu pemegang lesen.

(2) Jika mana-mana bahagian paip servis (selain daripada paip penghubung), paip pengagihan atau lengkapan air di dalam atau di mana-mana premis menjadi terhalang atau rosak sehingga menyebabkan atau boleh menyebabkan kontaminasi, pembaziran atau penyekatan air, penghuni hendaklah menyebabkan halangan itu dibersihkan atau kerosakan itu diperbaiki.

(3) Sekiranya penghuni gagal membersihkan atau memperbaiki sepertimana yang diperlukan di bawah subseksyen (1) dan (2), adalah sah disisi undang-undang bagi pemegang lesen memotong bekalan air ke premis itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “paip penghubung” ertinya bahagian paip servis di antara sesalur utama dan meter atau jika tidak ada meter, sesuatu tempat di mana meter disifatkan diletak sebagaimana ditentukan oleh Pengarah;

- (b) “paip pengagihan” ertinya apa-apa paip yang menghantar air dari tempat simpanan atau tangki bekalan ke apa-apa lengkapan air.

BAHAGIAN VI

SEKATAN BEKALAN AIR

Pemotongan bekalan air atas arahan Pengarah

49. Jika pada pandangan Pengarah terdapat sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan untuk melakukan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya atau atas apa-apa alasan yang dia anggap patut, Pengarah boleh mengarahkan pemegang lesen supaya memotong bekalan air ke premis itu.

Sekatan bekalan air semasa kecemasan

50. (1) Di mana terdapat peristiwa kemarau yang teruk, pergolakan industri, mogok, sekat-masuk atau apa-apa peristiwa lain yang boleh menimbulkan sesuatu kecemasan, Pihak Berkuasa Negeri boleh—

(a) melarang atau menyekat penggunaan air—

- (i) secara am atau untuk maksud tertentu;
- (ii) semasa waktu-waktu harian tertentu atau sebaliknya; atau
- (iii) melalui cara tertentu; dan

(b) menetapkan dan mengenakan—

- (i) had ke atas kuantiti air yang boleh digunakan bagi apa-apa tempoh yang ditentukan;
- (ii) apa-apa surcaj berkenaan dengan penggunaan air yang melebihi had yang dikenakan; dan
- (iii) apa-apa syarat lain yang disifatkan perlu oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh menghadkan pemakaian subseksyen (1) kepada kawasan, kumpulan, kelas orang, premis atau aktiviti yang tertentu.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh, membenarkan Pengarah untuk—

- (a) menggantung lesen mana-mana pemegang lesen;
- (b) mengambil possessi sementara mana-mana sistem bekalan air pemegang lesen itu dan mengendalikannya atau mengarahkan mana-mana orang lain untuk mengendalikannya mengikut apa-apa cara sebagaimana disifatkan patut oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan
- (c) mengambil atau menyebabkan supaya diambil langkah-langkah termasuk langkah-langkah pemasangan alat-alat penyekatan, pengawalan dan pengukuran serta pengawalseliaan dan pengawalan pelupusan peralatan-peralatan sebagaimana yang perlu.

Penalti bagi ketidakpatuhan

51. (1) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen 50 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana premis yang dihuni oleh mana-mana orang selain daripada pemunya, penghuni tersebut hendaklah dianggap telah melakukan pelanggaran seksyen 50 melainkan jika dibuktikan bahawa dia telah mengambil semua langkah-langkah yang munasabah untuk mencegah pelanggaran tersebut.

Tiada liabiliti untuk pelanggaran, dll.

52. Kerajaan Negeri, Pengarah dan pemegang lesen adalah tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana pemotongan, pemberhentian, pengurangan atau penyekatan air menurut seksyen 49 atau 50.

BAHAGIAN VII

KESALAHAN-KESALAHAN

Merosakkan sistem bekalan air, mengalir anak sungai, dll.**53. (1) Mana-mana orang yang—**

- (a) dengan sengaja atau dengan cuai merosak atau menyebabkan dirosakkan mana-mana konduit, takungan, tangki, pam, perigi, paip, injap, meter atau mana-mana bahagian dari mana-mana sistem bekalan air;
- (b) secara menyalahi undang-undang mencurah, mengangkut, mengalih atau mengambil air dari mana-mana atau mana-mana bahagian mana-mana sistem bekalan air atau dari mana-mana sumber aliran air dari mana air dibekalkan ke mana-mana sistem bekalan air;
- (c) mandi, mengotorkan atau membuang sampah-sarap atau makhluk, mati atau hidup, ke dalam mana-mana sistem bekalan air atau sebahagian daripadanya atau ke dalam mana-mana sumber aliran air daripada mana air dibekalkan ke mana-mana sistem bekalan air;
- (d) menghambat atau menghalang Pengarah atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 6(1) dalam menjalankan kewajipan-kewajipan, fungsi-fungsi atau kuasanya menurut Enakmen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya; atau
- (e) mengalihkan atau memusnahkan apa-apa tanda yang diletak bagi maksud menunjukkan paras air di dalam mana-mana sumber air dibekalkan ke mana-mana sistem bekalan air,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan dalam kes di mana kesalahan itu berterusan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit untuk setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan.

Pencemaran air

54. Mana-mana orang yang dengan sengaja atau dengan cuai mencemarkan atau menjadikan tidak bersih, tidak selamat atau tidak sesuai untuk tujuan diminum air di mana-mana sumber aliran air adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan dalam kes di mana kesalahan itu berterusan didenda melebihi dua ribu ringgit bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan.

Penyambungan bekalan air secara menyalahi undang-undang

55. (1) Tiada siapa pun melainkan pemegang lesen boleh membuat apa-apa sambungan ke sesuatu sesalur utama atau paip servis.

(2) Di mana paip servis ke mana-mana premis telah disambung ke sesuatu sesalur utama atau ke paip servis yang lain yang memberi servis ke premis lain secara menyalahi undang-undang, ia hendaklah dianggap sehingga sebaliknya dibuktikan bahawa sambungan secara menyalahi undang-undang itu telah dibuat oleh penghuni premis yang pertama disebut.

(3) Sesiapa yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan dalam kes di mana kesalahan itu berterusan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit untuk setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan.

Merosak meter dengan sengaja

56. Mana-mana orang yang dengan curangnya merosak sesuatu meter atau menyebabkan secara curang gangguan sesuatu meter yang digunakan untuk mengira air yang dibekalkan ke mana-mana premis dengan apa cara jua sehingga menyebabkan meter itu menunjukkan bacaan yang salah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Air dari pili bomba, dll.

57. (1) Kecuali untuk pemadaman api, tiada siapa pun dibenarkan mengambil air dari mana-mana pili bomba atau mana-mana bahagian sistem bekalan air melainkan diluluskan oleh Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Merosak sistem bekalan air

58. Mana-mana orang yang merosak mana-mana injap, pili bomba atau mana-mana bahagian mana-mana sistem bekalan air adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Mendapatkan balik pampasan bagi kerosakan meter, injap, dll.

59. Pemegang lesen boleh mendapatkan balik dari mana-mana orang yang dengan sengaja atau dengan cuai merosakkan atau menyebabkan dirosakkan mana-mana meter, injap, pili bomba, paip atau mana-mana bahagian sistem bekalan air kepunyaan atau di bawah pengurusan atau kawalan pemegang lesen, pampasan untuk kerosakan itu melalui cara yang diperuntukkan di bawah seksyen 42.

Penalti am

60. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya yang mana tiada penalti diperuntukkan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dalam hal kesalahan yang berterusan, denda tidak melebihi satu ribu ringgit untuk tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari semasa kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Pembekalan dan pengawalan meter

61. (1) Pemegang lesen hendaklah membekalkan dan menjaga dalam keadaan baik semua meter.

(2) Semua meter adalah menjadi hak milik pemegang lesen dan tiada meter boleh diubah atau diperbaiki melainkan di bawah arahan atau dengan kebenaran pemegang lesen:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak terpakai kepada sub-meter persendirian yang bukan hak milik pemegang lesen.

Perigi

62. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan seksyen 3, Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui pemberitahuan di dalam *Warta* mengisytiharkan lokasi mana-mana perigi yang dibina oleh Pengarah atau pemegang lesen bagi maksud kemasukan bekalan air.

(2) Pemegang lesen tidaklah boleh menggunakan bekalan air dari perigi-perigi yang disebut di subseksyen (1) kecuali dan melainkan hanya bagi maksud lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 17.

(3) Tanpa menjejaskan peruntukan subseksyen (1) dan walau apapun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, tiada siapa pun boleh menggorek, menggali atau sebaliknya membina sesuatu perigi bagi maksud mengeluarkan air darinya melainkan dan mengikut lesen yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

